

Shahril ketuai MRT Corp hingga 2018

Kuala Lumpur: Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Seri Shahril Mokhtar akan terus menerajui syarikat sehingga 31 Disember 2018 setelah kerajaan melanjutkan kontraknya selama dua tahun.

Pengerusi MRT Corp, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata, kerajaan mengiktiraf usaha Shahril memimpin MRT Corp dengan baik.

“Kerajaan membuat keputusan bahawa kepemimpinan berterusan Shahril dalam MRT Corp diperlukan untuk melihat kedua-dua fasa Laluan SBK (Laluan Sungai Buloh-Kajang) mula beroperasi pada Disember tahun ini dan Julai tahun depan,”

katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putraja (Laluan SSP) akan rancak dalam tempoh beberapa tahun akan datang dan pengalaman Shahril memastikan cabaran dihadapi pada peringkat awal pembinaan diatasi.

Majlis pecah tanah bagi Laluan SSP itu dijadual berlangsung pada akhir Ogos 2016.

Shahril menerajui MRT Corp pada 1 Janu-

ari 2015 dan sebelum memegang jawatan itu, beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd.

